

BAB 4

ANALISIS PENGGUNAAN BAHAN AKHBAR DAN MAJALAH

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan meninjau hipotesis (3) - (14) yang dikemukakan dalam para 1.4, halaman 12 - 14. Ini bertujuan untuk melihat persepsi guru dan pola penggunaan akhbar dan majalah sebagai alat bantu mengajar (ABM) bahasa Melayu di bilik darjah. Bab ini juga bertujuan untuk melihat sejauh manakah tindak balas murid dan pendedahan mereka kepada media akhbar dan majalah, dan reaksi mereka terhadap penggunaan kedua-dua bahan ini sebagai bahan pengajaran bahasa Melayu di bilik darjah.

Analisis data ini dibahagikan kepada dua bahagian.

Bahagian 1 - berdasarkan analisis borang jawapan soal selidik dan temu bual dengan guru-guru.

Bahagian 2 - berdasarkan analisis borang jawapan soal selidik dan temu bual dengan murid-murid.

BAHAGIAN 1

4.2 ANALISIS PENGGUNAAN DI KALANGAN GURU

Analisis terhadap penggunaan akhbar dan majalah di kalangan guru-guru meliputi aspek-aspek berikut:

- (a) Luasnya
- (b) Faktor-faktor berkaitan
- (c) Perbahaman
- (d) Kemahiran bahasa
- (e) Penggunaan
- (f) Tanggapan

4.2.1 Luasnya

Keputusan kajian menunjukkan bahawa majoriti daripada guru dalam kajian menggunakan bahan akhbar dan majalah. Daripada 148 orang guru yang ditemui, 88.5% daripadanya menggunakan akhbar dan 77% daripadanya menggunakan majalah sebagai ABM semasa mengajar bahasa Melayu di bilik darjah.

Jumlah ini menggambarkan juga bahawa sesetengah guru menggunakan kedua-dua bahan, iaitu akhbar dan majalah. Dalam hal ini analisis dibuat berdasarkan bilangan jawapan dan bukannya bilangan guru. Guru-guru yang menggunakan kedua-dua bahan (akhbar dan majalah) diminta mengisi dua jawapan, iaitu jawapan kepada

soal selidik tentang penggunaan majalah dan satu lagi soal selidik penggunaan akhbar.

4.2.2 FAKTOR-FAKTOR BERKAITAN

Andaian kajian ialah bahawa terdapatnya faktor-faktor berkaitan (situasi tertentu) yang mendorong guru menggunakan akhbar dan majalah sebagai ABM dalam mengajar bahasa Melayu di bilik darjah. Kajian telah mengesan lima faktor utama, iaitu:

- bengkel yang dihadiri guru,
- minat mengajar guru,
- status sosioekonomi keluarga murid,
- bangsa murid, dan
- pengalaman mengajar guru.

4.2.2.1 Bengkel yang guru hadiri

Bengkel yang dimaksudkan dalam kajian ini terhad kepada bengkel atau kursus berbentuk ceramah, kursus atau tunjuk ajar yang berkaitan dengan cara-cara dan kepentingan menggunakan media dalam pengajaran bahasa Melayu. Ini termasuklah bengkel ADD yang dianjurkan oleh pihak Berita Harian dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, bengkel MDK yang dianjurkan oleh pihak DBP dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Kursus Pengajaran Bahasa Melayu

Secara KBSM anjuran Kementerian Pendidikan dan Kursus Teknologi Pendidikan anjuran Kementerian Pendidikan dengan kerjasama badan-badan tertentu.

Kajian ini menjangkakan bahawa guru yang menghadiri bengkel lebih kerap menggunakan akhbar dan majalah berbanding dengan guru yang tidak menghadiri bengkel. Andaian dibuat berdasarkan kenyataan Lado (1980:13) yang mengatakan bahawa guru-guru memerlukan latihan khusus untuk mengajar bahasa di samping latihan umum untuk menjadi guru. Robert Lado (1980) percaya seseorang guru perlu kenal biasa dengan teknik audio-lingual, dan juga teknik-teknik yang dipakai khususnya untuk mengajar membaca dan menulis di samping mengetahui kesannya, kebaikannya dan kelemahannya.

Dapatan kajian dalam Jadual 1 menunjukkan kaitan di antara penggunaan akhbar dan majalah di kalangan guru dengan kehadiran bengkel.

Jadual 1: Bilangan guru menggunakan akhbar dan majalah mengikut bengkel

Hadir bengkel	Bil. guru	Bil. guru menggunakan Akhbar	Bil. guru menggunakan Majalah
Pernah	85	77(90.5%)	69(81.1%)
Tidak pernah	62	54(87.0%)	45(72.5%)
Jumlah	*147	131(100%)	114(100%)

*Tiada jawapan = 1

Jadual 1 menunjukkan peratusan penggunaan akhbar dan majalah adalah tinggi di kalangan guru-guru yang menghadiri bengkel, iaitu sejumlah 90.5% (bagi akhbar) dan 81.1% (bagi majalah) berbanding dengan penggunaannya di kalangan guru-guru yang tidak menghadiri bengkel, iaitu 87.0% (bagi akhbar) dan 72.5% (bagi majalah). Dapatan ini didapati bersamaan dengan dapatan kajian yang telah dijalankan di Amerika Syarikat dan Sweden oleh Persatuan Akhbar Amerika Syarikat (DeRoche: 1980), iaitu penggunaan adalah lebih kerap di kalangan guru-guru yang menyertai bengkel 'NIE' berbanding dengan penggunaannya di kalangan guru-guru yang tidak pernah menyertai bengkel.

Data (Jadual 1) turut memberi gambaran bahawa wujudnya kesedaran terhadap kepentingan penggunaan akhbar dan majalah sebagai sumber pengajaran di kalangan sesetengah guru yang tidak pernah menghadiri bengkel. Ini dapat dilihat daripada peratusan penggunaan yang tinggi di kalangan guru-guru yang tidak pernah menghadiri bengkel, iaitu 87% bagi akhbar dan 72.5% bagi majalah.

4.2.2.2 Minat mengajar guru

Kajian ini menjangkakan guru yang berminat mengajar bahasa Melayu akan lebih kerap menggunakan akhbar dan majalah sebagai ABM di bilik darjah berbanding dengan guru yang kurang berminat. Untuk menguji hipotesis ini, 3 kategori guru dipilih sebagai sampel, iaitu:

- (i) guru-guru yang berminat mengajar bahasa Melayu.

- (ii) guru-guru yang menganggap pengajaran bahasa Melayu sebagai bermasalah.
- (iii) guru-guru yang tidak suka mengajar bahasa Melayu tetapi terpaksa mengajar kerana kekurangan guru di sekolahnya.

Keputusan kajian (Jadual 2) didapati menyokong andaian awal kajian , iaitu menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan adalah lebih tinggi di kalangan guru yang berminat mengajar bahasa Melayu (94.8% bagi akhbar dan 86.7% bagi majalah) berbanding dengan kekerapan penggunaan di kalangan guru yang menganggap pengajaran bahasa Melayu sebagai bermasalah (83.8% bagi akhbar dan 64.9% bagi majalah) dan guru yang mengajar bahasa Melayu kerana terpaksa (70.5% bagi akhbar dan 50% bagi majalah).

Jadual 2: Bil. guru yang menggunakan akhbar dan majalah mengikut minat mengajar

Pendirian guru	Bil. guru	Bilangan guru menggunakan	
		Akhbar	Majalah
Berminat	98	93(94.8%)	85(86.7%)
Bermasalah	37	31(83.7)	24(64.9)
Terpaksa	10	7(70.0)	5(50.0)
Tiada jawapan	3		
Jumlah	148	131	114

Umumnya terdapat dua kesimpulan penting yang dapat dikesan daripada

Jadual 2, iaitu:

- (i) Minat mengajar sesuatu mata pelajaran adalah penting kerana ini mendorong guru-guru untuk berusaha menjadikan pengajaran mereka lebih kreatif, menarik dan berkesan.
- (ii) Masih terdapat guru dalam kategori 'tidak berminat' mengajar bahasa Melayu yang menggunakan akhbar dan majalah sebagai ABM semasa mengajar bahasa Melayu di bilik darjah walaupun kadar peratusannya amat rendah. Ini menunjukkan bahawa guru tetap mempunyai daya inisiatif untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka walaupun terpaksa mengajar mata pelajaran yang tidak diminatinya. Apabila ditanya, hampir kesemua guru dalam kriteria 'terpaksa' mengatakan mereka menggunakan akhbar dan majalah untuk menjadikan pengajaran dalam kelas lebih menarik kepada murid-murid.

4.2.2.3 Status sosioekonomi murid

Andaian kajian ini ialah bahawa guru-guru yang mengajar di sekolah yang taraf sosioekonomi murid-muridnya tinggi akan lebih kerap menggunakan akhbar dan majalah dalam pengajaran mereka kerana murid-murid lebih berkemampuan untuk membeli bahan.

Bagaimanapun, data dalam Jadual 3 menunjukkan keputusan yang sebaliknya, iaitu kekerapan penggunaan adalah tinggi di kalangan guru yang mengajar di sekolah yang kebanyakannya muridnya berstatus sosioekonomi sederhana dan rendah. Secara tidak langsung dapatan ini memberikan gambaran bahawa status sosioekonomi bukanlah faktor penggalak atau penghalang yang utama kepada guru untuk menggunakan akhbar atau majalah.

Jadual 3: Bil. guru yang menggunakan akhbar dan majalah mengikut status sosioekonomi murid

Taraf sosioekonomi	Bil. guru	Bil. guru menggunakan Akhbar	Bil. guru menggunakan Majalah
Tinggi	26	21(80.7%)	18(69.2%)
Sederhana	75	70(93.3)	61(81.3)
Rendah	47	40(85.1)	35(74.4)
Jumlah	148	131	114

4.2.2.4 Bangsa murid

Bilangan pelajar dari segi bangsa adalah berbeza-beza antara sebuah sekolah dengan sekolah yang lain. Sesetengah sekolah mempunyai lebih banyak murid (lebih daripada 60%) berbangsa Melayu manakala sekolah-sekolah yang lain pula mempunyai lebih banyak murid berbangsa Cina atau India. Bagaimanapun, terdapat

juga sesetengah sekolah yang mempunyai bilangan pelajar yang hampir sama bilangannya antara pelbagai kaum (Cina, Melayu, dan India).

Secara keseluruhannya, keputusan kajian mendapati peratusan penggunaan adalah lebih tinggi di kalangan guru-guru yang mengajar di sekolah yang kebanyakannya murid-muridnya berbangsa Melayu (lihat Jadual 4). Hal ini demikian kerana guru-guru mendapati hampir keseluruhan murid-murid berbangsa Melayu fasih berbahasa Melayu, berupaya memahami isi kandungan rencana yang dibaca dan dapat mengikuti aktiviti-aktiviti yang diberikan oleh guru dengan lancar. Sebaliknya, penguasaan bahasa Melayu sebahagian besar murid berbangsa Cina dan India masih lemah. Akibatnya, guru-guru menghadapi masalah seperti murid menggunakan bahasa ibunda semasa guru mengajar, murid tidak menumpukan perhatian, murid tidak memahami isi kandungan rencana yang dibaca dan tidak mengikuti aktiviti-aktiviti yang diarahkan oleh guru.

Jadual 4: Bil. guru yang menggunakan akhbar dan majalah mengikut bangsa murid

Bangsa murid	Bil. guru	Bilangan menggunakan Akhbar	Bilangan menggunakan Majalah
>Melayu	51	47(92.1%)	42(82.3%)
>Cina	55	49(89.0)	43(78.1)
>India	14	12(85.7)	10(71.4)
Hampir sama antara kaum	28	23(82.1)	19(67.8)
Jumlah		131	114

Petunjuk: > = lebih ramai

4.2.2.5 Pengalaman mengajar guru

Diandaikan bahawa penggunaan akhbar dan majalah adalah lebih kerap di kalangan guru yang mempunyai lebih banyak pengalaman mengajar. Andaian ini disokong oleh keputusan kajian (bagi majalah) dalam Jadual 5 yang juga hampir sama dengan hasil kajian oleh Thalatha (1985), iaitu peratusan penggunaan majalah semakin meningkat di kalangan guru-guru yang mengajar lebih daripada 3 tahun (tidak termasuk guru yang mengajar melebihi 10 tahun). Bagaimanapun, bagi akhbar (Jadual 5) keputusan kajian didapati tidak menyokong sepenuhnya andaian ini kerana:

- (i) Peratusan penggunaan (bagi akhbar) didapati paling tinggi di kalangan guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar antara 7 - 9 tahun, iaitu sebanyak 96.8%, diikuti oleh guru-guru yang baru mengajar (1 - 3 tahun), iaitu sebanyak 90%, guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar antara 4 - 6 tahun (87.1%) dan 10 tahun ke atas (83.3%).
- (ii) Terdapat satu penemuan di luar jangkaan, iaitu peratusan penggunaan akhbar dan majalah adalah paling kurang di kalangan guru yang berpengalaman mengajar selama 10 tahun ke atas.

Jadual 5: Bil. guru menggunakan **akhbar** dan **majalah**
mengikut tempoh pengalaman mengajar

Tempoh guru mengajar	Bil. guru	Bil. guru menggunakan	
		Akhbar	Majalah
1 - 3 tahun	50	45(90.0%)	35(70.0%)
4 - 6 tahun	31	27(87.1)	24(77.4)
7 - 9 tahun	32	31(96.8)	31(96.8)
10 tahun ke atas	30	25(83.3)	22(73.3)
Tiada jawapan	5	3(60.0)	2(40.0)
Jumlah	148	131	114

4.2.3 Perbahasan

Perbincangan tentang aspek perbahasan dibahagikan kepada lima bahagian, iaitu:

- (a) Jenis bahan yang digunakan
- (b) Hubungan jenis bahan dengan tingkatan
- (c) Ruangan-ruangan bahan yang digunakan
- (d) Bentuk-bentuk bahan yang digunakan
- (e) Cara-cara bahan digunakan

4.2.3.1 Jenis bahan yang digunakan

Jenis bahan merujuk kepada jenis akhbar dan majalah yang digunakan oleh guru sebagai bahan pengajaran bahasa Melayu di bilik darjah. Jadual 6 menunjukkan jenis-jenis akhbar manakala Jadual 7 pula menunjukkan jenis-jenis majalah yang digunakan.

Jadual 6: Jenis-jenis akhbar

Jenis Akhbar	Bil. guru menggunakan		
	Ya	Tidak	Jumlah
BM	48 (36.6%)	48 (36.6%)	*127 (100%)
BH	91 (69.4)	6 (27.4)	*127 (100)
UM	63 (48.1)	64 (48.8)	*127 (100)
MM	30 (22.9)	97 (74.0)	*127 (100)
MH	14 (10.6)	117 (89.4)	*127 (100)
WN	3 (2.2)	128 (9.8)	131 (100)
HH	2 (1.5)	129 (98.5)	131 (100)

*Jumlah responden yang tidak menjawab: 4 orang.

Petunjuk:

BM - Berita Minggu BH - Berita Harian

UM - Utusan Malaysia MM - Mingguan Malaysia

MII - Media Hiburan WN - Watan

IHH - Harakah

Majoriti guru (Jadual 6) didapati menggunakan akhbar **Berita Harian**, iaitu sebanyak 69.4% orang diikuti dengan akhbar **Utusan Malaysia** iaitu 48.1%.

Keadaan ini mungkin disebabkan strategi yang digunakan oleh pihak pemasaran

Berita Harian yang memberikan diskaun kepada pihak sekolah yang melanggan akhbar berkenaan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Di samping itu, turut didapati bahawa peratusan guru yang menggunakan akhbar berbentuk mingguan, sama ada akhbar **Berita Minggu** atau **Mingguan Malaysia** adalah sederhana, iaitu sebanyak 36.6% bagi **Berita Minggu** dan 22.9% bagi **Mingguan Malaysia**. Ini disebabkan kebanyakan sekolah tidak melanggan akhbar pada cuti hujung minggu. Guru menyatakan juga bahawa murid-murid tidak bekerjasama membawa bahan akhbar mingguan apabila diminta. Alasan yang diberikan oleh murid ialah mereka 'terlupa' atau naskah akhbar itu 'entah ke mana perginya'.

Jadual 7 pula menunjukkan taburan jenis-jenis majalah yang digunakan oleh guru.

Didapati (Jadual 7) majalah yang paling popular penggunaannya ialah majalah **Dewan Siswa**, iaitu sebanyak 63.1% daripada 114 guru menggunakannya. Majalah lain yang turut popular penggunaannya ialah majalah **Dewan Masyarakat** (38.5%) dan **Dewan Pelajar** (35.9%). Data-data ini secara langsung menggambarkan bahawa majalah keluaran DBP, kecuali **Dewan Kosmik** dan **Pelita Bahasa**, merupakan majalah yang kerap digunakan oleh guru-guru sekolah berbanding dengan majalah-majalah penerbitan lain.

Jadual 7: Jenis-jenis majalah

Majalah	Ya	Tidak	Bil. guru menggunakan Jumlah
DS	72 (63.1%)	42 (36.8%)	114
DP	41 (35.9)	73 (64.0)	114
DM	44 (38.5)	70 (61.4)	114
ATOM	14 (12.2)	100 (87.7)	114
AKADEMIK			
	14 (12.2)	100 (87.7)	114
KOSMIK	7 (6.1)	107 (93.8)	114
WANITA	4 (3.5)	110 (96.5)	114
PB	4 (3.5)	110 (96.5)	114
FOKUS	2 (1.8)	112 (98.2)	114

Petunjuk:

DS = Dewan Siswa DP = Dewan Pelajar
DM = Dewan Masyarakat PB = Pelita Bahasa

Satu lagi penemuan, iaitu penggunaan majalah **Pelita Bahasa** yang rendah merupakan satu dapatan yang tidak dijangkakan kerana majalah ini merupakan majalah khusus yang membincangkan perihal bahasa.

4.2.3.2 Hubungan antara jenis bahan dengan tingkatan

Didapati (Jadual 8) bahawa kekerapan guru menggunakan jenis akhbar dan majalah adalah berbeza-beza mengikut tingkatan yang diajar. Contohnya, akhbar **Berita Harian, Berita Minggu, Mingguan Malaysia** dan **Utusan Malaysia** digunakan di kalangan guru-guru yang mengajar tingkatan 1 sehingga tingkatan 5.

Akhbar **Mingguan Hiburan, Watan** dan **Harakah** pula hanya digunakan untuk mengajar murid-murid dalam tingkatan tertentu sahaja.

Jadual 8: Bil. guru menggunakan jenis-jenis akhbar mengikut tingkatan

Tingkatan	Jenis-jenis akhbar						
	Berita Harian	Berita Minggu	Utusan Malaysia	Mingguan Malaysia	Mingguan Hiburan	Mingguan Watan	Harakah
1	23	8	17		3	2	1
2	19	12	14		7	3	1
3	22	12	14		4	-	1
4	10	7	8		4	3	-
5	17	9	10		7	6	-
Jumlah	91	48	63		30	14	3
							2

Jadual 9 pula menunjukkan hubungan guru menggunakan majalah tertentu dengan tingkatan yang diajar.

mengajar tingkatan 3, 4 dan 5. Majalah **Dewan Siswa** digunakan dengan kadar kekerapan yang hampir sama bagi setiap tingkatan (kecuali tingkatan 2).

(ii) Majalah terhad penggunaannya kepada tingkatan tertentu sahaja. Contohnya majalah **Wanita**, terhad penggunaannya di kalangan guru-guru yang mengajar tingkatan 1, 2 dan 3 manakala majalah **Akademik, Pelita Bahasa, Kosmik** dan **Fokus** hanya digunakan oleh guru-guru yang mengajar tingkatan 3, 4 dan 5 sahaja.

4.2.3.3 Ruangan bahan yang digunakan

Daripada pelbagai ruangan yang terdapat di dalam akhbar, hasil kajian (Jadual 10) mendapati ruangan yang paling kerap digunakan ialah ruangan 'isu-isu semasa' (meliputi berita-berita dalam dan luar negeri), iaitu digunakan oleh sebanyak 87% orang guru. Ini diikuti dengan ruangan dunia pelajar dan pendidikan (53.4%), ruangan sukan (35.1%), dan ruangan sastera (37.4%). Sebaliknya, hanya sebilangan kecil guru yang menggunakan ruangan hiburan (20.6%), wanita (17.5%), surat (19%) dan politik (16.7%). Ruangan iklan dan perlancongan pula hampir-hampir tidak digunakan, iaitu hanya 2.3% daripada guru-guru menggunakan iklan dan hanya seorang guru yang menggunakan ruangan perlancongan.

Jadual 10: Ruangan-ruangan dalam akhbar

Ruangan	Bil. guru
Isu-isu semasa	114 (87.0%)*
Hiburan	27 (20.6)
Sukan	46 (35.1)
Wanita	23 (17.5)
Pelajar	70 (53.4)
Politik	22 (16.7)
Sastera dan budaya	49 (37.4)
Surat	25 (19.0)
Iklan	3 (2.3)
Perlancongan	1 (0.7)

Jawapan melebihi satu ruangan

Petunjuk

* Angka dalam % - bilangan guru menggunakan

4 .2.3.4 Bentuk bahan yang digunakan

Isi kandungan akhbar dan majalah biasanya dipersembahkan dalam pelbagai bentuk untuk menarik minat para pembacanya. Taburan kekerapan bentuk-bentuk bahan yang digunakan dibentangkan dalam Jadual 11 dan 12.

Majoriti daripada guru didapati menggunakan petikan berbentuk berita (78.6%) dan rencana (64.9%). Bentuk-bentuk lain yang kerap juga digunakan ialah bentuk graf/carta (42.7%), sastera (37.4%) dan lidah pengarang (35.1%). Di samping

itu, peratusan guru yang menggunakan ruangan teka silang kata, kartun dan lain-lain adalah kurang daripada 20%.

Jadual 11: Bentuk-bentuk akhbar

Bentuk	Bil. guru
Berita	103 (78.6%)*
Rencana	85 (64.9)
Graf dan carta	56 (42.7)
Sastera	49 (37.4)
Lidah pengarang	46 (35.1)
Teka silang kata	32 (24.4)
Kartun	29 (22.1)
Lain-lain	12 (9.2)

Jawapan melebihi satu ruangan

Petunjuk:

* Angka dalam % – bilangan guru menggunakan

131

Bagi majalah pula (Jadual 12), bentuk yang paling popular juga adalah rencana (66.7%) dan sastera (50.0%). Hampir satu pertiga daripada 131 orang guru dalam kajian didapati turut menggunakan bentuk graf/carta, berita-berita semasa, teka silang kata, lidah pengarang dan kartun. Guru bagaimanapun didapati kurang menggunakan bentuk iklan, gambar, surat dan sinopsis buku (sila rujuk Jadual 12).

Jadual 12: Bentuk-bentuk majalah

Bentuk	Bil. guru
Rencana	76 (66.7%)*
Sastera	57 (50.0)
Graf dan carta	51 (44.7)
Berita-berita semasa	41 (35.9)
Teka silang kata	30 (26.3)
Lidah pengarang	27 (23.7)
Kartun	24 (21.0)
Iklan	18 (15.7)
Gambar	5 (4.3)
Surat	3 (2.6)
Sinopsis buku	1 (8.7)

*Guru menggunakan lebih daripada satu ruangan

Petunjuk:

* Angka dalam % – bilangan guru menggunakan

114

4.2.4 Aspek Kemahiran Bahasa

Antara perkara-perkara yang akan dibincangkan di bawah aspek kemahiran bahasa ialah:

- (a) Jenis-jenis kemahiran yang terlibat
- (b) Penggunaan bentuk-bentuk bahan untuk mengajar kemahiran-kemahiran bahasa yang tertentu.

4.2.4.1 Jenis-jenis kemahiran yang terlibat

Adalah diandaikan bahawa bahan akhbar dan majalah sesuai digunakan untuk mengajar semua jenis kemahiran bahasa dan aspek tatabahasa. Keputusan kajian (Jadual 13) didapati menyokong andaian ini, iaitu kebanyakan guru menggunakan akhbar dan majalah untuk mengajar semua jenis kemahiran bahasa dan aspek tatabahasa (melebihi 80%).

Jadual 13: Jenis-jenis kemahiran bahasa

Jenis-jenis kemahiran	Bil. guru menggunakan Akhbar	Bil. guru menggunakan Majalah
(A)	(B)	
Mendengar dan bertutur	126 (96.1%)	109 (95.6%)
Membaca	127 (96.9)	107 (93.8)
Kefahaman	123 (93.8)	108 (94.7)
Menulis	126 (96.1)	110 (97.3)
Aspek tatabahasa	109 (83.2)	100 (87.7)

Guru menggunakan bahan untuk mengajar lebih daripada satu kemahiran.

Petunjuk:

(A) – bil. guru menggunakan

131

(B) – bil. guru menggunakan

114

Jadual 15: Penggunaan bentuk **akhbar** dan **majalah** untuk mengajar kemahiran Membaca

Bentuk	Bilangan guru menggunakan	
	Akhbar (N=127)	Majalah (N=107)
Berita	84 (66.1%)	36 (33.0%)
Rencana	70 (55.1)	66 (61.6)
Teka	-	-
Kartun	25 (19.6)	23 (21.4)
Lidah Pengarang	37 (29.1)	26 (24.2)
Graf	51 (40.1)	46 (42.9)
Sastera	26 (20.4)	40 (37.3)
Iklan	-	16 (14.9)
Gambar	-	4 (3.7)
Surat	-	3 (2.8)
Sinopsis buku	-	1 (0.9)

Jadual 16: Penggunaan bentuk **akhbar** dan **majalah** untuk mengajar kemahiran kefahaman

Bentuk	Bilangan guru menggunakan	
	Akhbar (N=123)	Majalah (N=108)
Berita	70 (56.9%)	31 (28.7%)
Rencana	62 (50.4)	54 (50.0)
Kartun	22 (17.8)	19 (17.5)
Lidah Pengarang	30(24.3)	21 (19.4)
Graf	43 (34.9)	38 (35.1)
Sastera	37(30.0)	46 (42.5)
Iklan	-	13 (12.0)
Gambar	-	2 (4.0)
Surat	-	3 (2.7)
Sinopsis buku	-	1 (0.9)

4.2.4.2 Penggunaan bentuk-bentuk bahan untuk mengajar kemahiran-kemahiran bahasa yang tertentu.

Bahagian ini akan melihat sejauh manakah kekerapan guru menggunakan bentuk-bentuk tertentu yang terdapat di dalam akhbar dan majalah untuk mengajar kemahiran bahasa yang tertentu.

(a) Kemahiran Lisan (mendengar dan bertutur)

Bagi akhbar, bentuk yang kerap digunakan untuk mengajar kemahiran lisan ialah berita (58.7%), rencana (47.6%) dan sastera (27.7%), dan bagi majalah pula ialah rencana (53.2%), graf (43.1%) dan sastera (36.6%). Bentuk-bentuk lain (bagi akhbar dan majalah) yang kerap digunakan termasuklah lidah pengarang, kartun dan teka silang kata. Bagi bentuk iklan dan gambar, peratusan penggunaan adalah rendah, iaitu 12.8% (iklan) dan 2.7% (gambar).

Dalam mengajar kemahiran lisan, bentuk berita dan rencana digunakan oleh guru untuk aktiviti lakonan, perbahasan dan perbincangan. Contohnya, murid-murid diminta beraksi sebagai pemberita dan menemu bual seorang usahawan. Murid-murid diminta juga melakonkan watak-watak yang terdapat dalam cerpen dan komik (kartun) yang dibaca dengan menggunakan sebutan baku dan nada suara yang sesuai. Guru turut menggunakan alat perakam untuk merakamkan suara murid-murid yang terlibat dalam lakonan dan perbahasan untuk tujuan perbincangan dalam kelas.

Jadual 14: Penggunaan bentuk **akhtar** dan **majalah** untuk mengajar kemahiran Lisan

Bentuk	Bilangan guru menggunakan	
	Akhbar	Majalah
Berita	(N=126) 74 (58.7%)	(N=107) 34 (31.1%)
Rencana	60 (47.6)	58 (53.2)
Teka	25 (19.8)	28 (25.6)
Kartun	22 (17.4)	22 (20.1)
Lidah Pengarang	31 (24.6)	22 (20.1)
Graf	44 (34.9)	47 (43.1)
Sastera	35 (27.7)	41 (37.6)
Iklan	-	14 (12.8)
Gambar	-	3 (2.7)

(b) Kemahiran Membaca dan memahami

Empat bentuk yang kerap digunakan untuk mengajar kemahiran membaca dan memahami ialah berita, rencana, graf dan sastera (Jadual 15 dan 16). Bagi akhbar, berita dan rencana menjadi tumpuan utama guru manakala bagi majalah ialah rencana. Iklan, gambar, surat dan sinopsis buku kurang popular penggunaannya di kalangan guru.

- Antara aktiviti-aktiviti utama yang terlibat semasa guru menggunakan bahan-bahan ini untuk mengajar kemahiran membaca ialah:
- (a) membaca secara senyap/sekilas - Ini bertujuan untuk menguji pemahaman murid dan melatih murid membaca dengan pantas. Aktiviti ini sering diikuti dengan aktiviti menjawab soalan-soalan pemahaman, perbincangan tentang makna perkataan, mencari unsur-unsur tersirat dan tersurat , menyenaraikan isi-isi penting dan menulis rumusan.
 - (b) membaca secara kuat/nyaring - Ini bertujuan untuk menguji kefasihan berbahasa dengan betul. Aktiviti ini menekankan sebutan baku, intonasi suara dan membaca dengan gaya yang sesuai. Contohnya, membaca berita adalah berbeza dengan mendeklamasikan sajak. Intonasi suara ketika membaca berita yang menyedihkan atau tragedi adalah berbeza dengan intonasi suara ketika membaca berita yang melucukan. Aktiviti ini juga kerap kali disusuli dengan aktiviti mencari maksud perkataan, menjawab soalan pemahaman dan menulis rumusan. Kadang-kadang guru menyediakan (bagi tingkatan 1,2 dan 3) latihan membina soalan menggunakan format '5W1H' (What, When, Where, Why, How) berdasarkan petikan.

Dari segi masa, hampir kesemua guru sependapat bahawa masa mengajar dua waktu adalah paling sesuai untuk mengajar kemahiran membaca dan memahami dengan menggunakan akhbar dan majalah. Ini kerana kebanyakan guru menggabungkan kemahiran membaca dengan kemahiran kefahaman dalam

pengajaran mereka. Kadang-kadang kedua-dua kemahiran ini turut digabungkan pula dengan aspek tatabahasa dan kemahiran menulis.

(d) **Kemahiran menulis**

Bagi kemahiran menulis, bentuk-bentuk daripada akhbar dan majalah yang kerap digunakan oleh guru ialah berita, rencana, graf dan sastera (Jadual 17).

Jadual 17: **Penggunaan bentuk akhbar dan majalah untuk mengajar kemahiran Menulis**

Bentuk	Bilangan guru menggunakan	
	Akhbar (N=126)	Majalah (N=110)
Berita	74 (58.7%)	35 (31.8%)
Rencana	60 (47.6)	63 (57.2)
Kartun	22 (17.4)	21 (19.0)
Lidah Pengarang	31 (24.6)	26 (23.6)
Graf	44 (34.9)	45 (40.9)
Sastera	32 (25.3)	27 (24.5)
Iklan	-	14 (12.7)
Gambar	-	3 (2.7)
Sinopsis buku	-	1 (0.9)

Dalam mengajar kemahiran menulis, didapati bentuk-bentuk bahan yang tertentu digunakan untuk aktiviti-aktiviti tertentu, seperti berikut:

- (a) Berita, rencana, graf, sastera, iklan, lidah pengarang dan sinopsis buku kerap digunakan untuk aktiviti membuat rumusan, meringkaskan karangan, atau

menulis sama ada rencana, cerpen atau sajak, laporan, berita dan surat (surat rasmi dan tidak rasmi).

- (b) Kartun digunakan untuk aktiviti menulis cerita pendek.
- (c) Gambar digunakan untuk aktiviti mengarang karangan bergambar (bagi murid-murid di peringkat sekolah menengah rendah) dan merumus karangan (bagi murid-murid tingkatan 4 dan 5).
- (d) Teka silang kata lazimnya digunakan sebagai permainan bahasa, iaitu sebagai ransangan.

(e) Aspek tatabahasa

Jadual 18 menunjukkan ruangan-ruangan yang kerap digunakan oleh guru untuk mengajar aspek tatabahasa. Bentuk-bentuk yang popular penggunaannya ialah berita (akhbar), rencana (akhbar dan majalah), sastera (majalah), lidah pengarang (akhbar) dan teka silang kata (akhbar dan majalah).

Bentuk-bentuk ini digunakan untuk mengajar imbuhan, membetulkan kesilapan ayat, melengkapkan teks, memberi maksud perkataan yang sukar atau sering digunakan pada masa terkini (dengan bantuan kamus) dan membina ayat.

Teka silang kata kerap digunakan untuk tujuan permainan bahasa, kartun digunakan untuk menukar cakap ajuk kepada cakap pindah, mengajar imbuhan dan

membetulkan struktur ayat. Iklan berguna untuk melatih murid-murid membetulkan ayat dan menulis slogan.

Turut ditunjukkan dalam Jadual 18 ialah pengajaran tatabahasa lebih banyak menggunakan petikan daripada akhbar berbanding dengan majalah. Apabila soalan 'mengapa' dikemukakan, guru menyatakan bahawa penggunaan imbuhan, ejaan dan susunan ayat di dalam akhbar lebih kerap mengandungi kesalahan berbanding dengan majalah. Kesempatan ini digunakan oleh guru untuk mengajar aspek tatabahasa, khususnya dengan menunjukkan contoh-contoh kesalahan bahasa yang berkenaan kepada murid dalam bentuk latihan ataupun perbincangan di dalam kelas.

Jadual 18: Penggunaan bentuk akhbar dan majalah untuk mengajar kemahiran Tatabahasa

Bentuk	Bilangan guru menggunakan	
	Akhbar	Majalah
	(N=109)	(N=100)
Berita	66 (60.5%)	28 (28.0%)
Rencana	53 (48.6)	52 (52.0)
Teka	27 (24.7)	23 (23.0)
Kartun	23 (21.1)	18 (18.0)
Lidah Pengarang	33 (30.2)	21 (21.0)
Sastera	22 (20.1)	38 (38.0)
Yang Indah Itu		
Bahasa	10 (9.1)	-
Iklan	-	9 (9.0)
Gambar	-	-
Surat	-	3(3.0)
Sinopsis buku	-	-

4.2.5 Penggunaan

Hasil kajian berkaitan dengan penggunaan akan menghuraikan dua perkara berikut:

- (a) Kekerapan penggunaan
- (b) Cara-cara penggunaan

4.2.5.1 Kekerapan penggunaan

Adalah menjadi pegangan kajian ini bahawa penggunaan akhbar dan majalah hanyalah sebagai alat bantu mengajar (ABM) sahaja dan buku teks masih dianggap sebagai bahan utama. Oleh itu, penggunaannya diandaikan tidaklah sekeral penggunaan buku teks. Taburan kekerapan penggunaan ditunjukkan dalam Jadual 19.

Jadual 19: Kekerapan penggunaan akhbar dan majalah

Kekerapan	Bil. guru menggunakan Akhbar	Bil. guru menggunakan Majalah
Setiap hari	4 (3.1%)	4 (3.5%)
4 kali seminggu	4 (3.1)	4 (3.5)
3 kali seminggu	4 (3.1)	6 (5.3)
Sekali seminggu	19 (14.5)	9 (7.9)
2 minggu sekali	1 (0.8)	2 (1.8)
3 minggu sekali	1 (0.8)	-
Sebulan sekali	11 (8.4)	10 (8.8)
Tidak tentu atau Sekali sekala	86 (65.7)	79 (69.3)
Tiada jawapan	1 (0.8)	-
Jumlah	131 (100%)	114 (100%)

Adalah didapati (Jadual 19) bahawa sebahagian besar guru menggunakan akhbar dan majalah dengan kadar kekerapan tidak tentu/sekali sekala, iaitu 65.7% bagi akhbar dan 69.3% bagi majalah. Hanya 14.4% dan 7.9% sahaja guru yang menggunakan akhbar dan majalah dengan kekerapan setiap minggu. Peratusan guru yang menggunakan akhbar dan majalah dengan kadar kekerapan setiap hari, 4 dan 3 kali dalam seminggu adalah terlalu rendah, iaitu kurang daripada 6%.

Penemuan ini memberi gambaran bahawa kebanyakan guru menggunakan akhbar dan majalah hanyalah sebagai salah satu daripada ABM sahaja di dalam pengajaran mereka. Keadaan ini didapati bersesuaian dengan saranan Daud (1983:58) dan Abd. Halim Yusof (**Berita Harian**:1985), iaitu:

"Akhbar tidak boleh menggantikan buku teks tetapi sebagai bahan sampingan yang dapat melengkapkan buku teks."

(Abd. Halim Yusof,**Berita Harian** 29 Jun 1985)

"Apabila menggunakannya, guru hendaklah sedar bahawa bahan-bahan ini* bukanlah menjadi pengganti kepada pengajarannya. Bahan-bahan ini hanya bertindak sebagai pengukuh bagi membantu seseorang guru menjayakan proses komunikasinya atau pengajarannya kepada murid"

(Daud, 1983:58)

4.2.5.2 Cara-cara penggunaan

Pada masa ini (Daud: 1983) belum ada satu kaedah atau cara sebenar yang mesti diikuti oleh guru dalam menggunakan bahan daripada akhbar dan majalah. Oleh itu, penggunaannya banyak bergantung kepada kekreatifan guru itu sendiri. Bengkel-bengkel yang dihadiri oleh guru boleh memberikan serba sedikit panduan.

Kajian telah mendapati beberapa cara guru menggunakan akhbar (Jadual 20, iaitu:

- (a) ADD - Cara ADD ialah satu cara yang menggunakan seluruh akhbar (dari muka depan hingga belakang), iaitu senaskah akhbar di tangan guru dan senaskah lagi di tangan setiap murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Cara ADD ini melibatkan hampir keseluruhan ruangan yang ada di dalam sesebuah akhbar. Cara ini bagaimanapun didapati kurang digunakan oleh guru, iaitu hanya 4.6% daripada 131 orang guru menggunakan sedangkan menurut DeRoche (1990), kaedah ini paling berkesan dalam menggalakkan murid-murid membaca akhbar.
- (b) Keratan akhbar - Ini merujuk kepada potongan akhbar mengenai tajuk atau ruangan-ruangan tertentu contohnya, ruangan rencana mengenai saham, hiburan, isu-isu semasa atau pendidikan. Keratan mengenai topik-topik tertentu ini dibawa oleh guru atau murid-murid. Kadang-kadang guru menggunakan alat OHP untuk membincangkan keratan berkenaan dengan semua murid di dalam kelasnya. Didapati

bahawa sebahagian besar guru, iaitu 32.8% (43 orang) menggunakan cara ini.

(c) **Fotokopi** - Guru membuat salinan (menggunakan mesin fotokopi) bahan-bahan tertentu daripada akhbar (contohnya, petikan rencana, berita, gambar dan lain-lain) dan diedarkan kepada murid-murid di dalam kelas. Cara ini juga didapati kurang digunakan, iaitu sebanyak 4.6% (6 orang) guru sahaja menggunakanannya. Ini adalah kerana selain terpaksa mengeluarkan wang mereka sendiri untuk membuat salinan, guru-guru juga tidak mempunyai masa, iaitu sentiasa sibuk dengan beban kerja yang berat untuk mencari bahan, memilihnya, menggunting dan membuat fotokopi.

(d) **Gambar** - Biasanya guru menggunakan gambar-gambar yang terdapat di dalam akhbar untuk mengajar bahasa. Gambar-gambar yang dipilih ialah gambar yang menggambarkan sesuatu kejadian/peristiwa, berwarna-warni (bagi tingkatan 1, 2 dan 3), berwarna-warni dan hitam putih (bagi tingkatan 3 dan 4) dan teran atau jelas.

(e) **Gabungan** - Terdapat juga guru yang menggunakan lebih daripada satu cara, contohnya cara ADD dan keratan akhbar, keratan akhbar dan gambar atau kesemua cara yang telah dibincangkan di atas.

Jadual 20: Cara-cara guru menggunakan akhbar

Cara-cara	Bil. guru
Keratan akhbar	43 (32.8 %)
Keratan dan gambar	39 (29.8)
Semua cara di atas	22 (16.8)
ADD dan keratan	15 (11.5)
Fotokopi	6 (4.6)
ADD	6 (4.6)
Jumlah	131 (100.0)

Cara-cara menggunakan majalah pula dibentangkan dalam Jadual 21.

Jadual 21: Cara-cara guru menggunakan majalah

Cara-cara	Bil. guru
Halaman tertentu	62 (54.3%)
Seluruh majalah	10 (8.8)
Fotokopi	5 (4.4)
Semua	14 (12.3)
Tiada jawapan	3 (2.6)
Jumlah	114 (100.0)

Daripada Jadual 21 didapati bahawa lebih separuh daripada guru-guru, iaitu 54.3% menggunakan halaman-halaman atau potongan-potongan tertentu sahaja yang terdapat di dalam majalah. Selain itu, 4.4% daripada guru-guru yang terlibat membuat salinan (fotokopi) bahan daripada majalah untuk diedarkan kepada murid-

murid manakala 8% pula menggunakan seluruh majalah (fungsinya sama seperti ADD).

Satu perkara yang menarik ialah terdapatnya guru yang menggunakan lebih daripada satu cara walaupun kadar peratusannya masih rendah. Didapati sebanyak 12.3% daripada 114 orang guru menggunakan lebih daripada satu cara (halaman tertentu, seluruh majalah dan fotokopi).

4.2.6 Tanggapan

Kajian mengenai tanggapan guru mengambil kira enam perkara, iaitu:

- (a) Sebab-sebab menggunakan
- (b) Sebab-sebab tidak menggunakan
- (c) Kebaikan-kebaikan penggunaan
- (d) Masalah-masalah penggunaan
- (e) Kesesuaian bahan kepada pelajar tertentu

4.2.6.1 Sebab-sebab menggunakan

Daripada 148 subjek yang ditemui, didapati sebanyak 88% guru menggunakan akhbar dan 77% pula menggunakan majalah. Oleh itu, para ini akan meninjau faktor-faktor tarikan yang menggalakkan guru menggunakan akhbar dan

² Lihat Lampiran (i)

majalah sebagai bahan pengajaran di dalam kelas. Penemuan kajian dibentangkan dalam Jadual 22 (akhbar) dan Jadual 23 (majalah).

Jadual 22: Sebab-sebab guru menggunakan akhbar

Sebab-sebab	Bil. guru
Kaya dengan isu-isu semasa	27 (20.6%)
Sesuai sebagai ABM	21 (16.0)
Pelajar menjadi aktif	15 (11.5)
Mempelbagaikan bahan	15 (11.5)
Pengajaran lebih menarik	14 (10.7)
Menanam sikap suka membaca	13 (9.9)
Menepati sukanan pelajaran	8 (6.1)
Murah dan senang diperolehi	8 (6.1)
Memperkayakan perbendaharaan kata	4 (3.1)
Murid lebih faham	4 (3.1)
Sesuai dengan kemahiran yang hendak diajar	1 (0.8)
Murid tidak ponteng kelas	1 (0.8)
Jumlah	131 (100)

Jadual 23: Sebab-sebab guru menggunakan majalah

Sebab-sebab	Bil. guru
Keistimewaan bahan	45 (39.4%)
Sesuai untuk bacaan luas	20 (17.5)
Sesuai sebagai ABM	12 (10.5)
Galakan guru panitia	10 (8.8)
Mempelbagaikan bahan mengajar	9 (7.9)
Mengelakkan kebosanan murid	7 (6.1)
Memperkaya perbendaharaan kata	6 (5.3)
Murid tidak ponteng kelas	5 (4.4)
Jumlah	114 (100.0)

Didapati bahawa jawapan yang dikemukakan adalah pelbagai (Jadual 22 dan 23) tetapi setelah diteliti, alasan-alasan berkenaan dapat digolongkan dalam 4 kumpulan utama, iaitu:

- (i) Murid memberikan sambutan,
- (ii) Kesesuaian dan keistimewaan bahan untuk mengajar bahasa Melayu,
- (iii) Kecederungan guru untuk mempelbagaikan bahan dan kaedah pengajaran ,
- (iv) Galakan guru panitia.

(i) Murid memberikan sambutan

Dapatan kajian oleh Hashimah (1988), Mohd. Amin (1984), Norman (1978) dan Soverly et. al (1975) mendapati murid-murid gembira, seronok dan memberikan kerjasama semasa guru menggunakan akhbar di dalam pengajaran. Keputusan yang sama diperoleh dalam kajian ini, iaitu seramai 29.1% guru menggunakan akhbar dan 10.5% menggunakan majalah kerana mendapat sambutan daripada murid-murid.

Sambutan murid-murid ini dapat dikesan daripada:

- Sebanyak 11.5% guru (bagi akhbar) mendapati murid-murid lebih bersemangat untuk belajar malah mula mengambil bahagian yang aktif di dalam kelas,
- Seramai 10.7% guru menggunakan akhbar kerana pengajaran , dan pembelajaran di bilik darjah mereka menjadi lebih menarik dan 'lively', iaitu murid-murid seronok dan lebih bersemangat untuk melibatkan diri sepenuhnya dalam aktiviti-aktiviti yang diarahkan,
- Sebanyak 0.8% (akhbar) dan 4.4% (majalah) murid-murid tidak lagi ponteng kelas sewaktu guru mengajar,

- Seramai 6.1% menggunakan majalah kerana mendapati murid-murid yang selalu mengantuk mula berminat untuk belajar dan telah menunjukkan kemajuan dalam penulisan karangan.

(ii) Kesesuaian dan keistimewaan akhbar dan majalah sebagai bahan pengajaran

bahasa

Sebanyak 65.7% guru (bagi akhbar) dan 72.7% guru (bagi majalah) telah memberikan jawapan yang boleh dikelaskan dalam kategori ini, iaitu:

Lebih satu pertiga (39.4%) daripada guru-guru menggunakan majalah kerana keistimewaan majalah itu sendiri. Rencana-rencananya membincangkan isu-isu terkini dengan lebih lengkap dan padat, dipersembahkan dalam rekabentuk yang kemas, menarik dan berwarna-warni. Penggunaan bahasa (bagi majalah yang ditujukan khusus untuk golongan pelajar) adalah lebih terkawal.

- Di kalangan guru yang menggunakan akhbar, sebanyak 6.1% menggunakan akhbar kerana bertepatan dengan kehendak sukanan pelajaran, harga akhbar murah dan senang memperolehnya (6.1%), murid lebih mudah faham (3.1%), sesuai dengan kemahiran yang hendak diajar dan akhbar banyak memuatkan isu-isu semasa (20.6%), iaitu isu yang diminati oleh murid.
- Sebanyak 17.5% daripada guru yang menggunakan majalah mendapati bahawa majalah sesuai digunakan sebagai bahan bacaan luas.
- Guru berpendapat majalah berkesan dalam menanam sikap suka membaca di kalangan murid,
- Guru mendapati akhbar dan majalah sesuai digunakan sebagai ABM dalam pengajaran bahasa Melayu di bilik darjah,

- Guru mendapati bahawa akhbar dan majalah dapat menolong memperkayakan perbendaharaan kata murid,

(iii) Mempelbagaikan bahan mengajar

Guru-guru BM didapati juga sentiasa berusaha untuk mempelbagaikan kaedah, teknik dan bahan pengajaran mereka. Sebanyak 11.5% daripada jumlah guru yang menggunakan akhbar dan 7.9% daripada jumlah guru yang menggunakan majalah telah mengemukakan alasan ini sebagai faktor utama mereka menggunakan akhbar dan majalah.

(iv) Galakan daripada guru panitia

Sebanyak 8.8% daripada 114 orang guru yang menggunakan majalah didapati menggunakan majalah disebabkan galakan yang diterima daripada guru panitia BM di sekolah masing-masing. Sebilangan besar guru-guru Panitia yang berkenaan terdiri daripada guru panitia bahasa Melayu yang telah mengikuti bengkel MDK (Majalah Dalam Kelas), anjuran pihak DBP.

4.2.6.2 Sebab-sebab tidak menggunakan

Terdapat empat faktor utama menyebabkan guru tidak menggunakan akhbar dan majalah, iaitu murid tidak membawa bahan, masalah kewangan, bahan tidak sesuai (terdapat unsur-unsur negetif di dalam akhbar) dan kesuntukan masa.

Jadual 24: Sebab-sebab guru tidak menggunakan akhbar dan Majalah

Sebab-sebab	Bil. guru tidak menggunakan Akhbar	Bil. guru tidak menggunakan Majalah
Murid tidak membawa bahan	4 (23.5%)	4 (11.7%)
Masalah kewangan (tidak mampu)	3 (17.6)	23 (67.6)
Masa tidak mencukupi	2 (11.7)	4 (11.6)
Bahan tidak sesuai	3 (17.6)	-
Keadaan bilik darjah	3 (17.6)	-
Tiada Jawapan	2 (11.7)	3 (8.8)
Jumlah	17 (100)	34 (100)

Daripada Jadual 24 didapati, sebanyak 23.5% guru menyatakan sebab utama mereka tidak menggunakan akhbar ialah keengganan murid-murid untuk membawa naskhah akhbar. Ini mungkin disebabkan murid-murid itu sendiri tidak mampu (17.6% guru mengakui bahawa murid menghadapi masalah kewangan), malas dan tidak berminat.

Bagi majalah, masalah kewangan merupakan faktor penghalang yang utama. Majoriti guru (67.6%) didapati tidak menggunakan majalah kerana harganya yang mahal dan murid-murid tidak membawa bahan (11.7%) apabila disuruh.

Sebilangan guru (17.6%) pula beranggapan bahawa akhbar tidak sesuai digunakan sebagai bahan pengajaran di bilik darjah kerana berita-berita yang disiarkan mengandungi unsur-unsur lucah dan keganasan.

Masalah kesuntukan masa mengajar (iaitu 35 hingga 40 minit untuk satu waktu) juga merupakan salah satu sebab menghalang guru menggunakan akhbar dan majalah. Kenyataan Mohd. Amin (1984) bagaimanapun menyokong alasan ini, iaitu tempoh mengajar selama 40 minit sahaja menimbulkan kesukaran kepada guru bahasa, apatah lagi untuk menggabungjalinkan ketiga-tiga aspek kemahiran (lisan, kefahaman, penulisan) secara serentak.

Sebanyak 11.7% guru pula tidak menggunakan akhbar kerana faktor persekitaran sekolahnya yang tidak mengizinkan. Ini kerana antara sesebuah bilik darjah dengan bilik darjah yang lain di sekolah berkenaan hanyalah dipisahkan oleh dinding papan yang terlalu nipis. Keadaan ini akan menimbulkan suasana yang bising dan mengganggu pembelajaran murid-murid di kelas yang bersebelahan/berdekatan.

4.2.6.3 Masalah-masalah penggunaan

Di kalangan guru yang menggunakan akhbar dan majalah, kajian mengandaikan bahawa mereka terpaksa berhadapan dengan masalah-masalah tertentu. Bagaimanapun terdapat keputusan kajian (Jadual 25) yang di luar dugaan, iaitu menunjukkan ramai juga guru yang tidak menghadapi apa-apa masalah (seramai

22.9% bagi akhbar dan 29.0% bagi majalah). Bagi guru-guru yang menghadapi masalah pula, masalah-masalah berkenaan dibentangkan dalam Jadual 25.

Jadual 25: Masalah utama penggunaan akhbar dan majalah

Masalah-masalah utama	Bil. guru yang menggunakan Akhbar	Bil. guru yang menggunakan Majalah
Beban kerja berat	29 (22.1%)	19 (17.8%)
Suasana bising	21 (16.0)	8 (7.5)
Murid tidak mampu	6 (4.6)	31 (29.0)
Masa tidak mencukupi	8 (6.1)	6 (5.6)
Murid tidak ikut arahan	13 (9.9)	6 (5.6)
Murid tidak membawa bahan	8 (6.1)	6 (5.6)
Ruangan sastera panjang	2 (1.5)	-
Unsur-unsur negetif	13 (9.9)	-
Tiada masalah	30 (22.9)	31 (29.0)
Tiada Jawapan	9 (6.9)	7 (6.1)
Jumlah	131 (100)	114 (100)

Data dalam Jadual 25 menunjukkan masalah utama yang dihadapi oleh guru yang menggunakan akhbar atau majalah ialah beban kerja yang berat. Ini disebabkan guru bukan sahaja mengajar mata pelajaran bahasa Melayu tetapi terpaksa juga mengajar mata-mata pelajaran yang lain, terlibat dengan kegiatan kokurikulum, memegang pelbagai tugas dan jawatan sampingan di sekolah dan terpaksa menghadiri pelbagai mesyuarat dan kursus. Ini ditambah pula dengan masa untuk memilih, menyunting dan mengubahsuai petikan-petikan daripada akhbar dan majalah sebelum dijadikan sumber pengajaran di bilik darjah. Keadaan ini adalah

bertentangan dengan kenyataan Hamey dan Ullmer (1975) bahawa media berfungsi untuk meringankan tugas dan beban kerja guru.

Sebanyak 16% dan 7.5% daripada guru yang menggunakan akhbar dan majalah pula terpaksa berhadapan dengan suasana di dalam kelas yang bising dan tidak terkawal. Keadaan ini wujud disebabkan:

- (a) penggunaan akhbar banyak melibatkan kerja secara berkumpulan,
- (b) kebanyakan aktiviti melibatkan perbincangan di antara guru dengan murid atau murid sesama murid,
- (c) sesetengah murid tidak membawa bahan dan terpaksa berkongsi dengan murid-murid lain. Kesempatan ini digunakan oleh mereka untuk berbual-bual,
- (d) Murid-murid terlalu seronok.

Di samping itu, sebanyak 9.9% (bagi akhbar) dan 2.8% (bagi majalah) guru mengalami masalah kerena murid-murid yang tidak mematuhi arahan guru. Murid-murid ini cenderung melihat ruangan-ruangan lain di dalam akhbar dan majalah dan mengabaikan halaman/petikan yang sedang dibincangkan oleh kelas.

Masalah murid tidak mampu membeli bahan merupakan masalah yang dihadapi oleh sebahagian besar (29%) guru yang menggunakan majalah. Guru-guru yang terlibat berpendapat hal ini disebabkan oleh harga majalah yang mahal.

Masalah-masalah lain yang terpaksa dihadapi oleh guru ialah masalah masa pengajaran yang terhad, murid tidak membawa akhbar dan majalah apabila disuruh dan ruangan sastera (di dalam akhbar) terlalu panjang dan menggunakan taraf bahasa yang tinggi menyebabkan murid-murid sukar memahaminya.

Selain itu, penemuan kajian (Jadual 26A dan 26B) menunjukkan terdapatnya hubungan yang rapat antara status sosioekonomi keluarga murid dengan masalah penggunaan akhbar dan majalah. Keputusan kajian menunjukkan di samping menghadapi masalah beban kerja yang berat dan masa pengajaran terhad, guru-guru yang mengajar di sekolah yang taraf sosioekonomi ibu bapa murid-muridnya sederhana dan rendah juga terpaksa menghadapi masalah-masalah berkaitan dengan murid, iaitu masalah bising, murid tidak mampu membeli bahan, murid tidak membawa bahan dan murid tidak ikut arahan. Sebaliknya, masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru yang mengajar di sekolah yang kebanyakannya murid-muridnya daripada keluarga berada lebih kepada masalah guru itu sendiri, iaitu beban kerja berat dan masa mengajar yang terhad.

Jadual 26(A): Kaitan masalah penggunaan **akhbar dengan taraf sosio ekonomi pelajar**

Masalah -masalah	Taraf sosioekonomi murid		
	Tinggi	Sederhana	Rendah
Suasana bising	-	12 (18.8%)	9 (23.7%)
Murid tidak mampu	-	1 (1.6)	5 (13.2)
Murid enggan bawa bahan	-	6 (9.4)	2 (5.3)
Masa terhad	-	1 (5.0)	7 (10.9)
Beban kerja pada guru	11 (55.0)	10 (15.6)	8 (21.1)
Murid tidak ikut arahan	3 (15.0)	6 (9.4)	4 (10.5)
Bahan sastera sukar faham	-	2 (3.1)	-
Unsur negetif	-	1 (1.6)	4 (10.5)
Tiada masalah	5 (25.0)	19 (29.7)	6 (15.8)
Jumlah	20 (100)	64 (100)	38 (100)

Jadual 26 (B): Kaitan antara masalah penggunaan **majalah dengan taraf sosio ekonomi pelajar**

Masalah-masalah	Taraf sosio ekonomi		
	Tinggi	Sederhana	Rendah
Suasana bising	-	2(3.4%)	6(18.8%)
Murid tidak mampu	-	22(37.9)	9(28.1)
Murid enggan membawa bahan	-	3(5.2)	3(9.4)
Masa mengajar terhad	1(5.9%)	5(8.6)	-
Beban kerja kepada guru	4(23.5)	7(12.1)	8(25.0)
Murid tidak ikut arahan	-	3 (5.2)	-
Tiada masalah	11(64.7)	15(25.9)	5(15.6)
Lain-lain	1(5.9)	1(1.7)	1(3.1)
Jumlah	17(100)	58(100)	32(100)

4.2.6.5 Kesesuaian bahan

Tanggapan guru terhadap kesesuaian bahan dalam kajian ini dibentangkan dalam Jadual 27.

Jadual 27: Penggunaan akhbar dan majalah mengikut golongan murid

Golongan murid	Bil. guru menggunakan Akhbar	Bil. guru menggunakan Majalah
Pandai/cerdas	72 (54.9%)	62 (54.3%)
Sederhana	4 (3.0)	3 (2.63)
Semua	50 (38.1)	45 (39.4)
Tiada Jawapan	5 (3.8)	4 (3.5)
Jumlah	131 (100.0)	114 (100.0)

Didapati bahawa peratusan penggunaan akhbar dan majalah adalah tinggi (melebihi 50%) di kalangan guru-guru yang mengajar murid-murid di kelas yang pandai atau cerdas manakala peratusan penggunaan menurun bagi kelas sederhana (3.0% bagi akhbar dan 2.6% bagi majalah). Ini bersesuaian dengan dapatan kajian Ryman (1977:401), iaitu ABM lebih sesuai digunakan untuk mengajar murid-murid yang cergas dan pandai (dari segi akademik mereka). Bagaimanapun, terdapat juga guru yang menggunakan akhbar (38.1%) dan majalah (39.4%) untuk mengajar semua murid, sama ada di kelas pandai, sederhana atau lemah. Penemuan kajian ini adalah sejajar dengan dapatan Ab.Rahim (1989:23) yang mendapati media sesuai digunakan untuk mengajar murid-murid yang cerdas, normal dan lembap. Bagi

murid-murid yang cerdas, media menolong mempercepatkan pembelajaran mereka dan sebagai pengajaran pemulihan bagi murid-murid yang normal dan lembap.

4.3 PERSPEKTIF MURID

Sebanyak 100 orang murid tingkatan dua dan empat telah ditemui buat untuk mendapat pandangan mereka tentang penggunaan akhbar dan majalah sebagai ABM bahasa Melayu di dalam kelas. Di bawah ini diperturunkan beberapa pandangan mereka.

4.3.1 Minat Membaca akhbar

Didapati bahawa sebanyak 100% murid yang ditemui memberikan jawapan suka membaca akhbar dan majalah. Kesemua murid ini pernah membaca akhbar dan majalah walaupun dengan kadar kekerapan yang berbeza iaitu tiap-tiap hari, dua hari sekali, tiga hari sekali, dua kali seminggu dan sekali seminggu.

4.3.2 Pandangan terhadap penggunaan akhbar dan majalah dalam pengajaran bahasa Melayu

Sebanyak 95% murid memberikan pandangan iaitu suka guru menggunakan akhbar dan 90% pula suka guru menggunakan majalah sewaktu mengajar BM. Faktor tarikan yang menyebabkan mereka suka guru menggunakan akhbar dan

majalah dalam pengajaran dan pembelajaran dibilik darjah ditunjukkan dalam Jadual

28.

Jadual 28: **Sebab-sebab murid suka guru menggunakan akhbar dan majalah semasa mengajar BM**

Sebab-sebab	Peratusan Murid (N=100)
Mengelak kebosanan	40%
Terdekah kepada isu-isu semasa	30
Dapat berinteraksi dengan guru dan sesama rakan	20
Banyak aktiviti yang melibatkan perbincangan dalam kelas	15
Mendapat isi-isi penting dan idea-idea baru untuk menulis karangan	8
Malas membawa buku teks ke sekolah	2
Jumlah	100%

Keputusan kajian menunjukkan faktor utama murid meminati guru menggunakan bahan akhbar dan majalah ialah untuk mengelakkan rasa bosan semasa mempelajari bahasa.

Faktor kedua murid berminat ialah kerana penggunaan akhbar dan majalah dapat mendedahkan mereka kepada isu-isu semasa. Ini membantu mereka mendapat

idea dan fakta-fakta penting untuk menulis karangan atau rencana di samping memperkayakan perbendaharaan kata.

Penggunaan akhbar dan majalah melibatkan pelbagai aktiviti kemahiran dan permainan bahasa. Kerap kali pula aktiviti ini melibatkan perbincangan dan kerja secara berkumpulan di dalam kelas. Ini memberi peluang kepada murid untuk berinteraksi dengan guru dan sesama mereka. Cara ini menambahkan pemahaman, menghilangkan kebosanan dan memberi keseronokan.

Di kalangan murid-murid yang tidak suka guru menggunakan akhbar dan majalah semasa mengajar di dalam kelas pula memberikan alasan 'malas' (terpaksa membaca, mencari atau memotong) keratan-keratan tertentu seperti yang dikehendaki oleh guru dan 'masalah kewangan' (perlu membeli bahan akhbar dan majalah). Murid-murid berkenaan bagaimanapun, berpendapat mereka suka guru-guru menggunakan bahan akhbar dan majalah jika bahan-bahan itu disediakan oleh pihak sekolah atau guru yang terbabit.

4.3.3 Ruangan yang diminati

Murid-murid turut ditanya tentang ruangan-ruangan di dalam akhbar yang mereka minati. Tujuannya ialah untuk melihat persamaan atau perbezaan pandangan murid dengan ruangan-ruangan yang kerap digunakan oleh guru. Ruangan yang

diminati oleh murid boleh dilihat daripada Jadual 29 (bagi akhbar) dan Jadual 30 (bagi majalah).

Jadual 29: Ruangan dalam akhbar yang diminati oleh murid-murid

Ruangan	Peratusan murid (N=100)
Rencana/ berita-berita semasa	60%
Hiburan	50
Sukan	30
Cerpen	30
Berita Pelajar	20
Surat pembaca	6
Kartun	6
Lidah Pengarang	2

Jawapan melebihi satu ruangan

Kelihatan bahawa murid-murid (60%) paling minat membaca rencana atau berita-berita semasa diikuti dengan hiburan (50%). Keadaan ini bersesuaian dengan penggunaan ruangan rencana dan berita-berita semasa oleh guru dengan kadar kekerapan yang kerap berbanding ruangan lain.

Selain itu ruangan yang kerap diminati juga ialah ruangan sukan (30%), cerpen (30%) dan berita pelajar (20%). Hanya sebilangan kecil pelajar yang meminati ruangan surat pembaca, kartun dan lidah pengarang.

Jadual 30 membentangkan tumpuan murid-murid kepada ruangan-ruangan tertentu yang terdapat di dalam majalah.

Jadual 30: Ruangan dalam majalah yang diminati oleh murid-murid

Ruangan	Peratusan murid (N=100)
Rencana	50%
Kartun	30
Surat pembaca	28
Cerpen	21
Puisi	10
Teka silangkata	10

Jawapan melebihi satu ruangan

Kelihatan bahawa ruangan rencana paling menarik minat murid-murid (50%) diikuti dengan ruangan kartun, iaitu 30%, surat pembaca 28% dan cerpen 21%. Hanya 10% sahaja murid-murid dalam kajian yang memberi tumpuan kepada ruangan teka silangkata dan puisi.

4.3.4 Perbahasan

Para ini akan meninjau jenis-jenis akhbar dan majalah yang kerap dibaca oleh murid-murid. Kadar kekerapan ditunjukkan dalam Jadual 31.

Keputusan kajian menunjukkan akhbar yang kerap dibaca oleh murid-murid ialah akhbar **Utusan Malaysia** dan **Harian Metro**, iaitu sebanyak 50%, **Berita Minggu** 48%, **Berita Harian** 45% dan **Mingguan Malaysia** 40%. Akhbar-akhbar ini (kecuali **Harian Metro**) juga didapati digunakan oleh guru dengan kadar kekerapan yang tinggi berbanding akhbar-akhbar lain (lihat Jadual 8).

Akhbar-akhbar lain yang turut dibaca tetapi dengan peratusan kekerapan yang rendah ialah akhbar **Mingguan Sukan, Watan, Media Hiburan** dan **Warta Perdana**.

Jadual 31: **Pembacaan Akhbar dan Majalah** oleh murid

Jenis-jenis Akhbar	%	Jenis-jenis majalah	%
(N=100)			(N=100)
Utusan M'sia	50%	Dewan Siswa	70%
Harian Metro	50	Dewan Masyarakat	50
Berita Harian	45	Fokus	30
Berita Minggu	48	Bola Sepak	30
Mingguan Malaysia	40	Wanita	30
Wanita	30	Dewan pelajar	25
Pelita Bahasa	20	Pelita Bahasa	20
Mingguan Sukan	10	URTV	10
Watan	10	Gila-Gila	10
Warta Perdana	2		
Media Hiburan	5		

Jawapan melebih satu akhbar/majalah

Satu keputusan yang menggalakkan ialah sebahagian besar murid-murid didapati memberikan perhatian kepada majalah yang serius atau separuh serius seperti **Dewan Siswa** (diminati oleh 70% murid), **Dewan Masyarakat** (diminati oleh 50% murid) dan **Dewan Pelajar** (diminati oleh 25% murid). Majalah-majalah ini juga didapati amat popular penggunaannya di kalangan guru-guru (Jadual 9).

Majalah-majalah lain yang turut diminati oleh murid ialah majalah **Bola Sepak, Wanita, Fokus, dan Pelita Bahasa**. Murid-murid turut membaca majalah-majalah bercorak hiburan tetapi peratusannya adalah rendah, iaitu hanya 10% (**Gila-gila dan URTV**).

Keputusan kajian ini bagaimanapun berbeza dengan dapatan Samsudin (1994) yang menunjukkan bahawa remaja lebih suka membaca majalah bercorak hiburan berbanding dengan majalah yang bercorak akademik.

4.3.5 Keberkesanan

Jadual 32 menunjukkan keberkesanan penggunaan aklibar dan majalah sebagai ABM untuk mengajar bahasa Melayu di bilikdarjah daripada perspektif murid. Dapatan kajian menunjukkan dua kesan, iaitu kesan terhadap kebolehan menguasai kemahiran bahasa dan kesan-kesan sampingan yang lain.

Dari segi kemahiran bahasa, hampir kesemua pelajar (85%) bersetuju bahawa penggunaan akhbar dan majalah telah menolong memperbaiki penulisan dan kebolehan mengarang mereka. Apabila ditanya, pelajar-pelajar berkenaan memberitahu bahawa mereka mendapat banyak idea-idea baru, dapat mengumpul lebih banyak isi-isi penting dan dapat menggunakan perkataan-perkataan baru yang diperoleh daripada akhbar dan majalah semasa menulis karangan. Kebanyakan pelajar juga didapati bersetuju bahawa akhbar dan majalah dapat membantu mereka meningkatkan kefahaman terhadap bahan yang dibaca.

Selain itu, pelajar juga berpendapat penggunaan akhbar dan majalah di bilik darjah membawa manfaat kepada mereka, dari segi meningkatkan minat membaca akhbar (55%) dan majalah (85%). Sebahagian daripada pelajar pula menyatakan bahawa mereka telah mula melanggan ataupun membeli akhbar dan majalah sebagai bahan bacaan ringan di rumah selepas beberapa kali guru menggunakan bahan berkenaan di bilik darjah. Hampir kesemua pelajar (90%) didapati bersetuju bahawa penggunaan akhbar dan majalah sebagai bahan pengajaran bahasa Melayu di bilik darjah telah menolong menambah pengetahuan dan kesedaran mereka terhadap isu-isu semasa.

Jadual 32: Keberkesanan penggunaan **akhbar** dan **majalah**

Keberkesanan	% murid (N=100)
Meningkatkan minat membaca akhbar	55%
Meningkatkan minat membaca majalah	85
Menambah pengetahuan terhadap hal-ehwal semasa	90
Memperbaiki kebolehan membaca pantas	10
Memperbaiki kefahaman	35
Memperbaiki kebolehan menulis dan mengarang	85
Memperbaiki tatabahasa	10

Jawapan melebihi satu keberkesanan

4.4 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian mengenai persepsi dan penggunaan bahan akhbar dan majalah di kalangan guru-guru BM di 14 buah sekolah (Lembah Klang) mendapati bahawa guru-guru memberikan sambutan yang amat positif terhadap penggunaan kedua-dua bahan ini. Ini boleh dikesan daripada:

- (a) dari segi bilangan - lebih daripada 80% guru dalam kajian menggunakan bahan akhbar dan lebih 75% pula menggunakan majalah semasa mengajar BM di bilik darjah.
- (b) dari segi kesanggupan - walaupun menghadapi pelbagai rintangan seperti beban kerja berat, kelas bising, murid tidak membawa akhbar dan majalah apabila disuruh, masalah kewangan dan sebagainya, guru-guru tidak berputus asa untuk meneruskan penggunaan bahan-bahan ini. Sebaliknya guru

sanggup berkorban masa dan tenaga mereka untuk mencari ruangan-ruangan di dalam akhbar yang sesuai, membuat penyuntingan terlebih dahulu untuk memastikan bahan yang digunakan menepati objektif dan kemahiran yang hendak diajarkan, mengeluarkan wang mereka sendiri untuk membuat fotokopi bahan dan mengeluarkan wang pendahuluan untuk membayar langganan majalah bagi pihak murid.

Kesungguhan dan kesanggupan guru menggunakan akhbar dan majalah sebagai alternatif kepada buku teks ini disokong pula oleh kenyataan murid-murid yang berpendapat bahawa mereka suka guru menggunakan akhbar dan majalah dalam pengajaran dan pembelajaran BM di dalam kelas. Ini juga menepati cita rasa murid-murid, iaitu mereka berminat membaca akhbar dan majalah.

Kajian daripada aspek perbahaman pula menunjukkan wujudnya persamaan citarasa antara guru dan murid. Ruangan dan bentuk yang diminati oleh sebahagian besar murid seperti ruangan isu-isu semasa dan berita-berita (rencana) hal ehwal semasa juga merupakan ruangan yang paling kerap digunakan oleh guru. Begitu juga dengan jenis akhbar dan majalah, iaitu akhbar **Utusan Melayu**, **Berita Harian** dan majalah **Dewan Siswa** yang amat diminati oleh murid juga merupakan akhbar dan majalah yang paling popular penggunaannya di kalangan guru-guru.